

BERITA HARIAN

DATE: 10/12/2007

Malaysia puji pendirian India tak layan Hindraf

Sikap positif bukti kedua-dua negara ada hubungan teguh: PM

Oleh Amirullah Andi Nur

KUALA LUMPUR: Malaysia menghargai pendirian Kerajaan India tidak melayan dakwaan palsu Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf) bagi mendapatkan sokongan terhadap perjuangan kumpulan pelampau itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata sikap positif kerajaan negara itu menunjukkan mereka menghormati hubungan baik dan teguh yang terjalin antara kedua-dua negara selama ini.

"Saya menghargai pendirian Kerajaan India seperti dinyatakan Menteri Luarnya, Pranab Mukherjee. Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan India, ia satu hubungan yang memberi faedah kepada kedua-dua negara.

"Ia adalah satu hubungan yang teguh, diasaskan kepada sikap saling hormat menghormati... menghormati kedaulatan kita. India pun ada kedaulatannya, malah masing-masing negara ada undang-undangnya," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan Grand Final Amal Mastercard ntv7 Platinum Golf Master 2007 di Saujana Golf & Country Club dekat sini, semalam.

Semalam, akhbar melaporkan Kerajaan India, mula menjauhkan diri daripada isu membabitkan Hindraf selepas kumpulan berkenaan dikatakan mempunyai hubungan dengan pertubuhan pengganas.

“Ia satu hubungan teguh, diasaskan kepada sikap saling menghormati... menghormati kedaulatan kita. India pun ada kedaulatannya”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

Ketika mengulas pendedahan polis Malaysia bahawa Hindraf mempunyai hubungan dengan pertubuhan pengganas luar negara, Mukherjee dilaporkan berkata, setiap kerajaan mempunyai cara tersendiri menentang keganasan.

"Pengganas tidak mempunyai kewarganegaraan. Mengenai hubungan dengan pengganas, semua negara berhak mengambil tindakan berdasarkan undang-undang masing-masing dan konvensyen antarabangsa," katanya.

Beliau membuat kenyataan itu selepas Kerajaan Malaysia menyatakan Hindraf disyaki menjalin hubungan dengan kumpulan Harimau Pembebasan Tamil Eelam (LTTE) di Sri Lanka, yang berjuang untuk negara sendiri sejak 1983.

Akhbar terkemuka India, *The Times of India*, membayangkan Kerajaan India mulai menjauhkan diri daripada isu berkenaan, dengan menggunakan tajuk berita *India washes its hands off Malaysian protest*.

Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri berkata, hu-

ubungan baik antara Malaysia dan India yang terjalin selama ini dibentuk berasaskan kepada sikap tidak campur tangan terhadap urusan pentadbiran negara lain.

"Hubungan baik ini berasaskan kepada fahaman bahawasanya dalam hal berkaitan negara masing-masing, menjadi hak setiap negara untuk mengambil tindakan mengikut undang-undang atau Perlembagaan masing-masing," katanya.

Awal minggu lalu, pemimpin Hindraf, P. Vytha Moorthy yang berada di New Delhi dengan harapan dapat bertemu Perdana Menteri India, Manmohan Singh dan Mukherjee bagi mendapatkan sokongan mereka untuk pertubuhan itu, tetapi tidak berjaya.

Baru-baru ini, Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail, mendedahkan dakwaan Hindraf ada hubungan dengan LTTE adalah berdasarkan laporan polis yang dibuat orang awam.

LTTE sudah diisytiharkan sebagai pengganas oleh Amerika Syarikat, Britain, Kesatuan Eropah, India dan Australia.